Malaysia MADANI ialah kerangka dasar yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim sebagai panduan pembangunan negara yang berteraskan nilai-nilai murni, keadilan sosial dan kemampanan.

DEFINISI

MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian.

MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui Reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.

MISI

Mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan 6 nilai MADANI melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.

VISI


Mencorak masa hadapan Malaysia dengan segala potensi yang ada dengan mengambil kira segala bentuk perubahan yang mengubah dunia, dan bercita-cita mengemudi Malaysia dalam zaman pasca normal yang serba rumit melalui laras bahasa, konsep dan budaya kearifan tempatan.

OBJEKTIF

Malaysia MADANI berfokus untuk melahir dan memampan nilai individu masyarakat Malaysia bagi mencapai kesejahteraan dan kemakmuran. Dalam mencapai hasrat tersebut, terdapat tiga (3) keutamaan yang akan diberi tumpuan penuh;

1. Membasmi Kemiskinan;
2. Penstrukturan semula ekonomi; dan
3. Memulih dan menjana ekonomi.

RASIONAL LOGO MALAYSIA MADANI



1. **Jalur**
   Lima jari dengan jalur merah putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara, asas ideologi Malaysia
2. **Bulatan**
   Bulatan berwarna biru menandakan kebulatan muafakat dan perpaduan di kalangan rakyat
3. **Bulan Sabit**
   Bulan merupakan simbol agama Islam sebagai agama Persekutuan
4. **Bintang**
   Bintang berbucu 14 menandakan perpaduan di kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan
5. **Warna Putih**
   Keluhuran budi, kesucian hati dan hasrat murni
6. **Warna Merah**
   Keberanian, jati diri dan keazaman
7. **Warna Kuning**
   Nilai tradisi, kebudayaan dan kearifan tempatan
8. **Warna Biru**
   Kesatuan nasional, keterangkuman dan persaudaraan

6 NILAI TERAS MALAYSIA MADANI

M — **KEMAMPANAN**
Pembangunan yang menjaga alam sekitar dan generasi masa depan.

A — **KESEJAHTERAAN**
Menjamin kehidupan rakyat yang selamat, sihat dan bermaruah.

D — **DAYA CIPTA**
Menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam pelbagai bidang.

A — **HORMAT**
Mengangkat nilai saling menghormati dalam masyarakat majmuk.

N — **KEYAKINAN**
Membina kepercayaan antara rakyat dan institusi negara.

I — **IHSAN**
Menanam nilai empati, kasih sayang dan tanggungjawab sosial.

INISIATIF MALAYSIA MADANI UNTUK SARAWAK

1. **Peruntukan Belanjawan MADANI 2025 & 2026**
   - RM5.9 bilion (2025) dan RM6.9 bilion (2026) diperuntukkan untuk pembangunan Sarawak.
   - Fokus kepada prasarana asas, kesihatan, pelancongan dan pemuliharaan alam sekitar.

2. **Projek Infrastruktur Strategik**
   - Projek Pan Borneo Sarawak – mempercepatkan jaringan jalan raya dan pengangkutan darat.
   - Projek Pembesaran Lapangan Terbang Miri (LTM) – meningkatkan akses pelancongan dan ekonomi di utara Sarawak.
   - RM2 juta untuk menangani permasalahan hakisan tebing Sungai Rajang berdekatan rumah panjang Robert, Nanga Sebatu di Kapit – usaha pemuliharaan dan keselamatan komuniti.

3. **Pemerkasaan Kesihatan**
   - Penubuhan Pusat Kanser Sarawak di Kota Samarahan – memudahkan rawatan pesakit luar bandar dan mengurangkan kebergantungan kepada hospital di negeri lain.

4. **Pembangunan Pelancongan Tempatan**
   - Peningkatan kemudahan di Pantai Tusan, Bekenu – menjadikan lokasi ini sebagai tarikan pelancongan berasaskan alam semula jadi.

INISIATIF UTAMA BANTUAN RAKYAT DAN KOS SARA HIDUP YANG DIUMUMKAN DALAM BELANJAWAN 2026 MALAYSIA MADANI

1. **Sumbangan Tunai Rahmah (STR)**
   - Bantuan tunai sehingga RM2,200 setahun.
   - Pendapatan bawah RM2,500 sebulan dengan lima anak.

2. **Sumbangan Asas Rahmah (SARA)**
   - RM200 sebulan bagi isi rumah penerima E-Kasih.
   - RM100 sebulan bagi kategori bujang penerima STR.
   - RM50 sebulan bagi kategori individu bujang penerima STR.

3. **Jualan Rahmah**
   - Diteruskan di setiap DUN.
   - Diskaun sehingga 30% untuk barangan mentah.

4. **BUDI MADANI RON95 (BUDI95)**
   - Harga RON95 RM1.99 kekal untuk semua warganegara Malaysia.

5. **Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**
   - Pendidikan percuma melalui PTPTN kepada 5,800 anak keluarga miskin.
   - RM150 Bantuan Awal Persekolahan.
   - Rancangan Makanan Tambahan untuk 870,000 murid.
   - Elaun RM150 setiap bulan untuk pelajar OKU.
   - Pas Perjalanan Percuma - KTM Komuter dan Perkhidmatan Shuttle Timuran (DMU) percuma kepada OKU dan pelajar sekolah diperluas kepada kanak-kanak bawah 6 tahun.

Ikuti perkembangan program Malaysia MADANI di platform media sosial rasmi Malaysia MADANI untuk info lanjut;

Malaysia-MADANI

MalaysiaMadani

madani.my

@malaysiamadani

TERBITAN:
Jabatan Penerangan Malaysia, Sarawak

SUMBER:
Portal Rasmi Malaysia MADANI
Jabatan Penerangan Malaysia
Kementerian Komunikasi dan Digital

Untuk dapatkan pelbagai Koleksi Bahan Penerbitan Digital, sila imbas Kod QR atau layari

dbook.penerangan.gov.my

japensarawak | japensarawak
Japen Sarawak | JAPEN Sarawak | KDS TV

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA SARAWAK

Mari Mengenali

MALAYSIA MADANI